

Headline	Memeta hala tuju transformasi negara		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	21 May 2014	Language	Malay
Circulation	178,211	Readership	534,633
Section	Dlm Negeri	Color	Black/white
Page No	11	ArticleSize	354 cm ²
AdValue	RM 4,613	PR Value	RM 13,838



Memeta hala tuju transformasi negara

SEJAK mengambil alih jawatan Perdana Menteri Malaysia yang keenam, Datuk Seri Najib Tun Razak telah memperkenalkan agenda transformasi negara melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP).

Tujuh Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) diwujudkan di bawah GTP. Pada asalnya, hanya enam NKRA, manakala NKRA yang ketujuh iaitu Menangani Kos Sara Hidup diwujudkan setelah kerajaan melihat betapa pentingnya isu itu di mata rakyat. Kerajaan juga memperkenalkan 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) melibatkan 196 projek (EPP) yang menyediakan banyak peluang pekerjaan.

Bagi melihat sejauh manakah prestasi GTP dan ETP, minggu lalu Najib telah melancarkan Laporan Tahunan GTP dan ETP 2013. Sememangnya banyak kejayaan dicatatkan di bawah kedua-dua program transformasi ini.

Antaranya, kejayaan 104 peratus daripada sasaran keseluruhan pada 2013. Ini bermaksud setiap perancangan dilaksanakan dengan begitu baik.

Kejayaan ini menggambarkan usaha gigih para pekerja sektor awam untuk mencapai sasaran yang ditetapkan. Perkara ini tidak boleh dinafikan oleh sesiapa pun meskipun masih ada ruang dan kelemahan yang perlu diperbaiki.

Sektor awam menjadi pemudah cara bagi sektor swasta untuk memacu ekonomi negara. Ini mengurangkan penglibatan kerajaan dalam perniagaan.

Melihat situasi terkini, GTP dan ETP telah berjaya melonjakkan ekonomi negara pada tahap terbaik. Buktinya, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) suku pertama tahun ini mencatatkan pertumbuhan sebanyak 6.2 peratus mengatasi ramalan pakar-pakar ekonomi.

Kesan positifnya, ringgit mengukuh berbanding dolar Amerika Syarikat sejak enam bulan lalu, manakala Bursa Malaysia FBM KLCI meningkat pada paras tertinggi, 1887.07 mata, dua hari lepas.

KDNK cemerlang ini merupakan satu manifestasi kejayaan awal agenda transformasi negara. Kejayaan awal kerana banyak lagi usaha perlu dilakukan sebelum Malaysia boleh digelar sebagai negara maju.

Antara aspek yang perlu diperbaiki adalah mengurangkan ketidakseimbangan pendapatan di antara kaum. Begitu juga agenda transformasi tidak boleh sekadar dikuasai oleh golongan elit tertentu.

Tiada gunanya Malaysia bergelar negara maju jika rakyat dan kaum majoritinya masih ketinggalan berbanding kaum-kaum lain. Kejayaan agenda transformasi negara perlu mempunyai sifat keterangkuman dan holistik. Mengabaikan penglibatan seluruh kaum di Malaysia boleh memberi kesan kemampan agenda transformasi negara setelah Malaysia bergelar negara maju.

Dalam konteks ini, penglibatan semua kaum dalam ETP tidak boleh sesekali dipinggirkan. Itu belum termasuk kelemahan yang diketahui umum seperti wujudnya budaya 'pencari sewa' dalam kalangan ahli perniagaan, ketirisan dan pembaziran yang sering kali dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara.

Budaya 'pencari sewa' perlu dihapuskan kerana ia akan menyebabkan ketidakcekan dalam ekonomi negara yang akhirnya mendatangkan kemudaratan ke atas aspek keyakinan pelabur dan daya saing negara.

Sementara itu, bagi aspek ketirisan dan pembaziran, banyak wang rakyat seperti subsidi diesel telah diselewengkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Ketirisan dan pembaziran ini tidak memberi sebarang manfaat kepada rakyat. Bahkan, ia boleh meningkatkan perbelanjaan.

Transformasi kewangan awam sewajarnya diperhebatkan sehingga tiada pihak yang mampu mengambil kesempatan.

Kerajaan telah dan akan merasionalisasikan subsidi dan memperkenalkan cukai barangan dan perkhidmatan (GST) untuk mengukuhkan kewangan negara, namun tatkala melaksanakannya, tindakan penguatkuasaan perlu dilaksanakan sebaik mungkin. Jangan tunggu dilaporkan oleh media massa, barulah hendak bertindak.

Tiada gunanya merasionalisasikan subsidi tetapi pada masa sama kegiatan penyelewengan subsidi masih berjalan dengan begitu giat sekali.

Begitu juga dalam keadaan kerajaan bertindak sebaik mungkin untuk membantu meningkatkan pendapatan rakyat dengan pelbagai dasar dan program seperti membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS), kos sara hidup rakyat pula semakin tinggi.

Kesan akhirnya, rakyat tidak dapat menikmati sebarang keselesaan daripada peningkatan pendapatan. Bahkan dibimbangi, kesan positif peningkatan pendapatan rakyat bertukar menjadi negatif apabila kos sara hidup terlalu tinggi.

Bukan semua rakyat memahami usaha kerajaan. Ada yang tidak mahu memahami pun. Yang mereka mahukan, kehidupan mereka semakin selesa yang mana mereka benar-benar merasai kejayaan transformasi negara.

Hasil usaha kerajaan tidak akan dirasai jika keselesaan rakyat semakin menurun dek kerana kos sara hidup yang terlalu menekan kehidupan rakyat. Walhal, rakyat

melihat ada pemimpin politik menjalani kehidupan yang mewah serba-serbi. Ini tidak selari dengan saranan yang dibuat oleh mereka agar rakyat berjimat cermat dan berbelanja secara berhemat!

Bagi golongan oportunistik politik, kesempatan ini akan digunakan untuk memburuk-burukkan kerajaan. Maka, kita akan lihat pelbagai fitnah dan kisah yang dicipta untuk menjadi perisa memburuk-burukkan

Headline	Memeta hala tuju transformasi negara		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	21 May 2014	Language	Malay
Circulation	178,211	Readership	534,633
Section	Dlm Negeri	Color	Black/white
Page No	11	ArticleSize	354 cm ²
AdValue	RM 4,613	PR Value	RM 13,838

kerajaan.

Hala tuju transformasi negara tidak akan ke mana tanpa kekuatan perpaduan rakyat Malaysia. Perpaduan rakyat ini pula perlu disokong oleh pembangunan modal insan yang berpaksikan kemahiran, kepakaran, prestasi tinggi, kreatif dan inovatif serta bermentaliti kelas pertama.

Maka, sudah sampai masanya, kerajaan benar-benar tegas dalam hal ini. Perpaduan rakyat berbilang kaum menjadi tunjang

yang memayungi agenda transformasi negara. Tanpa payung ini, masakan ETP dan GTP benar-benar berjaya secara holistik, inklusif dan mapan serta mampu meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Kesudahan kejayaan transformasi negara hanya dapat direalisasikan jika ia boleh dirasai dan diwarisi oleh generasi akan datang.

PENULIS ialah Pensyarah Kanan Perakaunan dan Kewangan, Pusat Pengajian Perakaunan, Kolej Perniagaan Universiti Utara Malaysia

